

JADUAL SPESIFIKASI KERJA

SEBUTHARGA KERJA-KERJA MEMBINA / MENAIKTARAF REBAN AYAM KAMPUNG DAN ITIK SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN BAGI PENTERNAK UNGGAS NEGERI PULAU PINANG

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT
1.	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM	
a.	Penyediaan syarat-syarat tawaran termasuk Insurans-insurans " <i>Contractor All Risk & Workmen Compensation's</i> " dan lain-lain keperluan khas.	Pukal
b.	Penyediaan Laporan Bergambar (kerja sebelum, semasa dan selepas) dalam bentuk hardcopy.	Pukal
c.	Kerja-kerja pembersihan sebelum dan selepas termasuklah pembersihan tapak sebelum kerja-kerja dijalankan, mengemas dan membersihkan kawasan setelah kerja-kerja naiktaraf dan pembinaan selesai.	Pukal
2.	KERJA-KERJA MEMBINA / MENAIKTARAF 1 UNIT REBAN AYAM KAMPUNG BERUKURAN 40' (PANJANG) x 10'(LEBAR) x11'(TINGGI) DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK PENTERNAK ZURAI DI BIN ABDUL RAZAK	
a.	Kerja-kerja membina, memasang dan menuang konkrit gred 25 pada <i>pad footing</i> 2'6" (panjang) x 2'6" (lebar) x 1' (tinggi), tiang kok berukuran 1' (diameter) x 5' (tinggi) dan diletakkan besi cerucuk Y12 di bahagian dalam semua unit tiang kok serta kerja-kerja berkaitan untuk mengukuhkan tiang utama reban. Tiang kok ditanam dengan kedalaman 1 kaki dari paras atas <i>pad footing</i> jarak antara tiang adalah lebih kurang 10".	10 unit
b.	Kerja-kerja merender lantai simen konkrit gred 25 di atas hamparan BRC A9 dengan ketebalan 3" dan 4 darjah kecerunan menghala ke longkang pada keseluruhan kawasan bersaiz 616 kaki persegi.	Kaki persegi
c.	Kerja-kerja memasang longkang <i>culvert U-shape</i> berukuran bersaiz 9" sepanjang setiap sisi lantai simen konkrit dan longkang keluar 3' (panjang) dengan 2 darjah kecerunan menghala keluar serta kerja-kerja kemas yang berkaitan.	kaki
d.	Kerja-kerja membekal dan memasang tiang kayu berukuran 4" x 4" berketinggian 7 kaki di atas tiang kok serta kerja-kerja berkaitan untuk mengukuhkan reban.	10 unit
e.	Kerja-kerja membekal dan memasang kayu rasuk lantai berukuran 2" x 6" dari paras atas tiang kok untuk reban berkeluasan 400 kaki persegi.	Kaki persegi
f.	Kerja-kerja membekal dan memasang kayu gelegar lantai berukuran 2" x 4" dengan jarak 2' setiap satu untuk reban berkeluasan 400 kaki persegi.	Kaki persegi
g.	Kerja-kerja membekal dan memasang kayu lantai berukuran 1" x 2" dengan jarak 0.5" setiap satu untuk reban berkeluasan 400 kaki persegi.	Kaki persegi

h.	Kerja-kerja membekal dan memasang kayu papan dinding bersaiz 10" x 3/4" inci setiap sisi bangunan reban.	Kaki persegi
i.	Kerja-kerja membekal dan memasang dinding BRC 2" x 2" jenis tahan karat (<i>galvanized iron</i>) pada keluasan 100' (panjang) x 6'5" (tinggi) dengan diperkuat dengan struktur kerangka kayu 1" x 2" menutupi setiap sisi dinding bagi keseluruhan bangunan reban.	Kaki persegi
j.	Kerja-kerja membekal dan memasang dinding sekatan selebar 10' melintang pertengahan reban dari jenis <i>metal deck</i> G30 sehingga umbun atap dan diperkuatkan dengan struktur kerangka kayu 2" x 3".	Kaki persegi
k.	Kerja-kerja membekal dan memasang kerangka bumbung berbentuk A menggunakan C Chanel bersaiz 75mm dipasang pada keseluruhan kawasan bersaiz 616 kaki persegi dengan jarak diantara bawah rabung atap dengan rasuk bumbung adalah 5'. Kos termasuk kerja pemasangan rasuk bumbung, perabung dan <i>batten</i> bersaiz 25mm dipasang pada jarak yang bersesuaian dan termasuk kelengkapannya.	Kaki persegi
l.	Kerja-kerja pemasangan atap jenis <i>metal deck</i> gred G30 di kedua-kedua belah permukaan termasuk kelengkapannya serta kerja-kerja berkaitan.	Kaki persegi
m.	Kerja-kerja membekal dan memasang 2 unit pintu bersaiz 6.5' (tinggi) x 3' (lebar) menggunakan kayu bersaiz 6" x 3/4" dari lantai reban termasuk kelengkapan serta kerja-kerja berkaitan.	Kaki persegi
n.	Kerja-kerja membina 2 unit tangga bersaiz 3' (lebar) x 7' (tinggi bercuram) menggunakan kayu bersaiz 6" x 2" dan tapak tangga berkonkrit berkeluasan 5' x 2' berketebalan 2".	Kaki persegi
o.	Kerja-kerja membina 2 unit kolam celup kaki di hadapan tangga bersaiz 3'(panjang) x 2'(lebar) x 4"(kedalaman) dan 4 darjah kecerunan ke saliran keluar serta kerja-kerja berkaitan.	2 unit
3.	KERJA-KERJA MEMBINA 1 UNIT REBAN ITIK BERUKURAN 40'(PANJANG) x 10'(LEBAR) x 8'(TINGGI) DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK PENTERNAK SITI FATIMAH BINTI JOHARI	
a.	Kerja-kerja membina, memasang dan menuang konkrit gred 25 pada <i>pad footing</i> 2'6" (panjang) x 2'6" (lebar) x 1' (tinggi) dan memasang tiang bangunan jenis konkrit 4" x 4" berketinggian 9' diletakkan besi cerucuk Y12 di bahagian dalam semua unit tiang konkrit yang ditanam dengan kedalaman 1' dari aras <i>pad footing</i> .	10 unit
b.	Kerja-kerja merender lantai simen konkrit gred 25 di atas hamparan BRC A9 dengan ketebalan 3" dan 4 darjah kecerunan keseluruhan kawasan bersaiz 400 kaki persegi.	Kaki persegi
c.	Kerja-kerja membina kaki lima simen konkrit gred 25 berukuran 2' lebar dengan ketebalan 3" dari setiap dinding luar reban.	Kaki persegi

d.	Kerja-kerja memasang longkang <i>culvert</i> U-shape berukuran bersaiz 9" sepanjang setiap sisi kaki lima dan longkang keluar 3' (panjang) dengan 2 darjah kecerunan menghala keluar serta kerja-kerja kemas yang berkaitan.	Kaki
e.	Kerja-kerja membina dinding bata dengan ketinggian 2 kaki sepanjang binaan termasuk kerja-kerja melepar di bahagian luar dan dalam setiap sisi bangunan reban.	Kaki persegi
f.	Kerja-kerja pemasangan dinding menggunakan BRC dengan jejaring bersaiz 2"x2" jenis tahan karat (<i>galvanized iron</i>) pada keluasan 100' (panjang) x 6' (tinggi) diperkuatkan dengan struktur kerangka dinding menggunakan besi <i>hollow section</i> bersaiz 1"x2" menutupi setiap sisi dinding bagi keseluruhan bangunan reban.	Kaki persegi
g.	Kerja-kerja membina dan memasang 1 unit pintu bersaiz 3'x7' menggunakan besi <i>angle iron</i> sebagai kerangka dan BRC dengan jejaring bersaiz 2"x2" sebagai daun pintu.	Kaki persegi
h.	Kerja-kerja membekal dan memasang kerangka bumbung berbentuk A menggunakan <i>C Chanel</i> bersaiz 75mm dipasang pada keseluruhan kawasan bersaiz 616 kaki persegi dengan jarak diantara bawah rabung atap dengan rasuk bumbung adalah 5'. Kos termasuk kerja pemasangan rasuk bumbung, perabung dan <i>batten</i> bersaiz 25mm dipasang pada jarak yang bersesuaian dan termasuk kelengkapannya.	Kaki persegi
i.	Kerja-kerja pemasangan atap jenis <i>metal deck</i> gred G30 di kedua-kedua belah permukaan termasuk kelengkapannya serta kerja-kerja berkaitan.	Kaki persegi
j.	Kerja-kerja membina 1 unit kolam celup kaki di hadapan pintu masuk bersaiz 3'(panjang) x 2'(lebar) x 4"(kedalaman) dan 4 darjah kecerunan ke saliran keluar serta kerja-kerja berkaitan.	1 unit
k.	Kerja-kerja membekal tempat mengeram telur berukuran 2' (Panjang) x 2' (lebar) x 6" (tinggi).	6 unit